

Melaka laksana pelan kecemasan

Melaka: Kerajaan negeri melaksanakan pelan kecemasan bagi memastikan takungan di tiga empangan negeri itu terus stabil.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata ia membatalkan langkah mengepam semula air dari Empangan Jus untuk disalurkan ke Empangan Asahan dan Empangan Durian Tunggal pada kadar 100 juta liter sehari.

Katanya, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) turut mengepam air dari Sungai Gerisik, Muar, Johor sebanyak 35 juta gelen sehari bagi menampung keperluan penggunaan air di negeri ini.

3 empangan

“Buat masa ini, ketiga-tiga empangan masih stabil dan mampu menampung keperluan penduduk di negeri ini.

“Kapasitinya akan bertahan sekurang-kurangnya 50 hari dan jika tiada hujan serta keadaan air berada pada paras bahaya, kita mungkin mencatu bekalan,” katanya.

Beliau ditemui selepas perasmian Karnival Udara Antarabangsa Melaka (KUAM) oleh Yang



Keadaan Empangan Durian Tunggal-Machap, Alor Gajah yang mana **paras air berkurangan berikutan cuaca panas melampau sejak sebulan lalu.**

[FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]

di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob, di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di sini, semalam.

Empangan Jus mencatat kapasiti air 70 peratus, diikuti Empangan Asahan (80 peratus) dan Empangan Durian Tunggal (50 peratus).

7,109 penduduk terjejas

Di **Kuantan**, sebanyak 112 tangki statik dan 20 lori disediakan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) di tiga daerah di negeri itu

yang mengalami gangguan bekalan air.

Sehingga semalam, seramai 7,109 penduduk terjejas merangkumi daerah Lipis, Pekan dan Temerloh.

Pegawai Perhubungan Awam dan Komunikasi Korporat PAIP, Nurul Farhana Abdul Hamid, berkata pihaknya menyediakan 75 tangki air statik dan 10 lori tangki di Lipis, 27 tangki statik dan tujuh lori tangki di Pekan serta 10 tangki dan tiga lori tangki di Temerloh.

Katanya, Lipis paling teruk terjejas membatalkan 6,149 pengguna berikutan paras Sungai Jelai kian cetek, menyebabkan loji air di Jelai serta Batu 9, Lipis tidak dapat beroperasi pada tahap maksimum.

“Gangguan air turut berlaku di FELDA Chini 1, 2, 3, 4 dan 5 dan FELDA Chini Timur 1 dan 2, selain penempatan Orang Asli sekitar Sekolah Kebangsaan Gumum dan Sekolah Kebangsaan Chini Timur,” katanya di sini, semalam.



“

la membatalkan langkah mengepam semula air dari Empangan Jus untuk disalurkan ke Empangan Asahan dan Empangan Durian Tunggal pada kadar 100 juta liter sehari”

Idris Haron,
Ketua Menteri Melaka